

Media : Utusan TV

Date : 20 July 2023

Ajinomoto jadi penaja bersama L'Etape Malaysia by Tour de France

Dilah Afiq Mohd. Shah - July 20, 2023



Ajinomoto berperanan sebagai penaja bersama program L'Etape Malaysia by Tour de France buat kali kedua tahun ini.

AJINOMOTO (M) Berhad (AMB) berbesar hati apabila ditawarkan berperanan sebagai penaja bersama program L'Etape Malaysia by Tour de France buat kali kedua tahun ini.

Program yang diadakan pada 8 dan 9 Julai lalu di Desaru Coast, Johor itu telah menarik penyertaan seramai 3,600 penunggang basikal daripada 47 buah negara.

Ajinomoto dalam kenyataan memaklumkan, acara pada tahun ini juga menyaksikan penyertaan kali pertama tujuh kakitangan syarikat itu sebagai duta aminoVITAL sekali gus menekankan lagi komitmen jenama berkenaan.

Menurut Ajinomoto, penajaan strategik itu juga merupakan dedikasi syarikat berkenaan terhadap penciptaan nilai bersama dengan mempromosikan kesihatan dan kesejahteraan individu yang aktif.

Menurut Ajinomoto, penajaan strategik itu juga merupakan dedikasi syarikat berkenaan terhadap penciptaan nilai bersama dengan mempromosikan kesihatan dan kesejahteraan individu yang aktif.

"L'Etape by Tour de France merupakan siri acara basikal yang memberikan peluang kepada penunggang basikal amatur untuk merasai pengalaman Tour de France.

"Acara ini menampilkan aminoVITAL sebagai produk utama iaitu minuman berperisa jelapal yang diformulasi khas dengan 3,000 miligram (mg) asid amino penting terutama asid amino rantaian bercabang (BCAA).

Baca artikel berkaitan: Ajinomoto Malaysia anjur Kempen 'Makan Sihat, Hidup Aktif'

"BCAA sesuai untuk mempertingkatkan daya tahan otot, meningkatkan prestasi, membantu pemulihan otot dan mengurangkan kelelahan otot yang dapat mengoptimalkan prestasi peserta semasa acara tersebut," katanya dalam kenyataan hari ini.

Mengulas lanjut, AMB memaklumkan semua peserta telah diberikan aminoVITAL bagi memberi tenaga tambahan dan merasai sendiri manfaat BCAA sepanjang acara tersebut.


Selain itu, aminoVITAL juga telah menyediakan reruai khas dengan aktiviti interaktif dan menawarkan pembelian produk dengan harga istimewa termasuk beberapa barang percuma.

"Melalui inisiatif ini, AMB memberi sokongan terhadap individu yang aktif menerusi 'Makan Sihat, Hidup Aktif' dengan meningkatkan prestasi penunggang basikal dengan aminoVITAL termasuk maklumat pemakanan sukan mereka," katanya.




Ruangan Aduan UtusanTV

Artikel Terbaru




Pentingnya pendapat kedua dalam perubatan. Ini yang perlu anda ambil tahu
July 21, 2023



'Anwar tak faham isu Felda, kenapa saya perlu minta maaf?'
July 20, 2023



Isu hutang peneroka Felda: Muhyiddin teruskan saman fintah ke atas Anwar
July 20, 2023



Isu hutang peneroka Felda: Muhyiddin teruskan saman fintah ke atas Anwar
July 20, 2023



"Sanusi baru didakwa, belum didapati bersalah," Ahmad Fadhlil bidas Saifuddin
July 20, 2023



Ranking Harimau Malaya naik lagi, kini 136 dunia
July 20, 2023



MUDA lancar manifesto, ambil pendekatan realistik
July 20, 2023

